

BANK ISLAM CATAT KEUNTUNGAN BERSIH RM557.2 JUTA BAGI TAHUN KEWANGAN 2025

Isytihar dividen interim tunai kedua 4.45 sen sesaham biasa

SOROTAN UTAMA

- Jumlah pendapatan bersih naik 7.8% kepada RM2.8 bilion, didorong peningkatan 60.5% tahun-ke-tahun (y-o-y) pendapatan bukan berasaskan dana serta pertumbuhan sihat aset.
- Jumlah aset meningkat kepada RM104.1 bilion setakat akhir Disember 2025, melepasi sasaran RM100 bilion yang ditetapkan LEAP25, disokong daya tahan berterusan kualiti aset, kecairan dan kedudukan modal Kumpulan.
- Kenaikan 7.6% y-o-y dalam jumlah aset dipacu oleh pertumbuhan dalam pembiayaan dan sekuriti pelaburan lebih tinggi.
- Pelaburan kasar naik 6.4% y-o-y kepada RM74.7 bilion, disokong oleh prestasi kukuh Perbankan Runcit dan Perbankan Institusi Kumpulan.
- Akaun deposit dan pelaburan pelanggan meningkat 4.2% y-o-y kepada RM84.3 bilion, dengan komposisi akaun semasa, simpanan dan pelaburan transaksi (CASATIA) sebanyak 40.2%.
- Pelaburan bersih berada pada RM557.1 juta, diterjemah kepada Perolehan Sesaham (EPS) 24.59 sen dan Pulangan Ekuiti Bersih (ROE) 7.1%.
- Nisbah CET1 dan Nisbah Jumlah Modal, masing-masing kekal teguh pada 13.6% dan 18.3%.
- Mobilisasi pembiayaan lestari mencecah RM31.1 bilion, melepasi sasaran RM28.0 bilion LEAP25.
- Mengisytiharkan dividen tunai kedua 4.45 sen setiap saham biasa, membawa kepada jumlah dividen tahunan 14.45 sen sesaham biasa, agihan sebanyak RM327.5 juta.

KUALA LUMPUR, Jumaat, [27 Februari 2026]: Bank Islam Malaysia Berhad (Bank Islam atau Kumpulan) menyempurnakan aspirasi strategik LEAP25 pada asas yang teguh dengan melangkaui sebahagian besar daripada sasaran prestasi utama bagi tahun yang berakhir Disember 2025. Jumlah aset mencecah RM104.1 bilion, melebihi RM100 bilion yang disasarkan, menandakan kenaikan 7.6% yang dipacu pertumbuhan pembiayaan dan sekuriti pelaburan lebih tinggi. Aset bersih sesaham berada pada RM3.56.

Jumlah pembiayaan kasar Kumpulan mencatatkan kenaikan 6.4% y-o-y, ditutup pada RM74.7 bilion. Prestasi yang kukuh ini telah disokong oleh pertumbuhan sihat dalam Perbankan Runcit dan Perbankan Institusi Kumpulan, masing-masing berkembang sebanyak 4.8% dan 12.1%.

Pertumbuhan telah disokong oleh peningkatan dalam akaun deposit dan pelaburan pelanggan yang meningkat 4.2% y-o-y kepada RM84.3 bilion. CASATIA berada pada RM33.9 bilion, mencerminkan komposisi sihat sebanyak 40.2% setakat akhir Disember 2025.

Kumpulan telah mencatatkan pendapatan bersih sebanyak RM2.8 bilion, naik 7.8% y-o-y, disokong oleh peningkatan baik 60.5% y-o-y pendapatan bukan berasaskan dana yang membawa kepada RM638.4 juta, menghasilkan nisbah pendapatan bukan berasaskan dana

(NFBI) sebanyak 12.5%. Prestasi ini didorong laba bersih lebih tinggi daripada penjualan sekuriti pelaburan, laba bersih pelupusan hartanah, kenaikan pendapatan daripada transaksi mata wang asing serta sumbangan fi dan pendapatan komisyen yang lebih kukuh. Pertumbuhan pendapatan berasaskan dana bersih menyederhana RM2.1 bilion, mencerminkan impak semakin kadar polisi dasar semalaman.

Menutup tahun 2025, Bank Islam terus mempamerkan kualiti aset yang teguh dengan nisbah pembiayaan terjejas kasar 0.97% iaitu prestasi yang jelas lebih baik berbanding purata industri 1.37%. Jumlah nisbah modal Kumpulan kekal kukuh pada 18.3%

FY2025 mencatatkan keuntungan bersih RM557.2 juta, susut 2.4% y-o-y disebabkan overhead lebih tinggi susulan usaha Kumpulan untuk terus melabur secara strategik dalam modal insan dan teknologi bagi menambah baik pengalaman pelanggan serta memperkukuhkan daya tahan perniagaan, serta peruntukan kemerosotan lebih tinggi seiring pertumbuhan pembiayaan. EPS berada pada 24.59 sen dengan ROE 7.1%.

Lembaga Pengarah Bank Islam dengan sukacitanya mengisytiharkan dividen interim tunai kedua bernilai 4.45 sen sesaham, membawa kepada jumlah dividen tahunan 14.45 sen sesaham. Sejumlah RM327.5 juta telah diagihkan kepada pemegang saham. Kumpulan kekal komited untuk memberikan pulangan kompetitif kepada mereka, pada masa sama melabur dalam inisiatif-inisiatif yang menyokong pertumbuhan dan membentuk nilai jangka panjang.

Selain melepasi sasaran jumlah aset RM100 juta, Bank Islam juga berjaya melepasi sasaran RM28.0 bilion pembiayaan lestari yang ditetapkan dengan mencapai RM31.3 bilion. Nisbah NSFI Kumpulan sebanyak 12.5% melebihi julat sasaran sekurang-kurangnya 8% hingga 9%. Sementara itu, 5,318 menerima manfaat daripada inisiatif kewangan sosial. Angka ini lebih tinggi berbanding 3,000 individu yang disasarkan, sekali gus mempamerkan dedikasi Bank Islam untuk mencapai impak sosial yang positif.

Pegawai Bertanggungjawab Bank Islam, Mizan Masram berkata, “Dengan berakhirnya LEAP25, Kumpulan akan terus melangkah maju dengan disiplin dan tujuan yang jelas. Prestasi kewangan kami mencerminkan keberkesanan pelaksanaan teras strategi Bank Islam yang merangkumi Kemakmuran Mampan, Keutamaan Pelanggan, Budaya Berasaskan Nilai, Pemerkasaan Komuniti dan Pendigitalan untuk Ekonomi Sebenar. Pencapaian yang melebihi sebahagian besar sasaran strategik dalaman menunjukkan kekuatan, ketahanan dan kemampuan organisasi ini untuk menyesuaikan diri dalam persekitaran ekonomi yang sentiasa berubah.

“Kumpulan akan kekal fokus dalam memastikan ia terus relevan dan bersaing selepas 2025. Kami akan terus memperluaskan akses kewangan, memacu pembangunan industri kewangan digital patuh Syariah dan menawarkan penyelesaian inovatif yang memenuhi kepelbagaian keperluan pelanggan,” tambahnya.

Mengenai Bank Islam Malaysia Berhad

Bank Islam adalah institusi perbankan Islam pertama di Malaysia yang disenaraikan di Papan Utama, Bursa Malaysia Berhad. Ditubuhkan pada bulan Julai 1983, Bank Islam mempunyai lebih 100 cawangan dan lebih 900 terminal layan diri di seluruh negara. Sebagai institusi perbankan Islam lengkap dan tulen, Bank Islam menyediakan penyelesaian perbankan runcit dan

keuangan korporat yang mematuhi undang-undang dan prinsip Syariah dengan ketat. Bank Islam komited terhadap kemakmuran lestari dan nilai-nilai ESG dan merupakan peserta rasmi Rangkaian Kompak Global Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu Malaysia dan Brunei. Anak-anak syarikat utama Kumpulan Bank Islam, BIMB Investment dan BIMB Securities menawarkan pelbagai perkhidmatan kewangan Islam, termasuk pelaburan dan pembrokeran saham. Untuk maklumat lanjut mengenai produk dan perkhidmatan kumpulan Bank Islam, layari www.bankislam.com.

Sila e-mel ke Hubungan Media Kumpulan Bank Islam di media@bankislam.com.my untuk mendapatkan maklumat tambahan.